

01/10/1997

Usahawan derma RM1j bina asrama

Rashidi Karim

KANGAR, Selasa - Tokoh korporat, Datuk Ishak Ismail, menyumbang RM1 juta bagi membina sebuah kompleks asrama untuk pelajar miskin yang diselenggara Yayasan Pok dan Kassim (YPK).

Sumbangan itu diserahkan pada majlis pecah tanah pembinaan kompleks itu yang disempurnakan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, di sini hari ini.

Yayasan yang baru diwujudkan itu sempena nama ibu dan Allahyarham bapa Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, memberi penekanan kepada kerja amal dan kegiatan kebajikan dan sosial.

Kompleks di kawasan seluas satu hektar di Kampung Kubang Gajah, dekat sini, mampu menempatkan sehingga 100 pelajar dan pembinaannya dijangka siap Februari tahun depan.

Ishak, Timbalan Pengerusi Eksekutif Kentucky Fried Chicken (KFC), diwakili Hayazi Ismail untuk menyerahkan sumbangan itu kepada isteri Menteri Besar, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin.

Shahidan tidak hadir pada majlis itu kerana mengikuti rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucapannya, Zaleha memuji Menteri Besar kerana mewujudkan yayasan itu sebagai menghormati kedua-dua ibu bapanya.

Beliau juga mengalu-alukan sumbangan sektor swasta dalam usaha membantu golongan kurang bernasib baik, terutama kanak-kanak.

"Sangat wajar mereka yang mencapai kejayaan dalam perniagaan bersama-sama dengan kerajaan meringankan beban golongan kurang bernasib baik dan membanteras kemiskinan.

"Kita tidak mahu ada di antara kanak-kanak terpaksa berhenti sekolah kerana kemiskinan keluarga dan ibu bapa boleh melaporkan perkara itu kepada pihak kebajikan untuk mendapatkan bantuan," katanya.

Menurutnya, kementerian membantu kira-kira 33,000 kanak-kanak miskin sepanjang tahun lalu dengan memberi sumbangan wang tunai, pakaian sekolah, buku, kaca mata dan basikal.

(END)